Satu Hari Satu Pencerahan

Siri ke-33

Perbandingan Format Laporan Berita dan Rencana

LAPORAN

Penulisan yang melaporkan secara terperinci tentang sesuatu program, aktiviti atau kejadian yang telah berlaku.

Format

- Tajuk di bahagian atas (tanpa garis).
- Ditulis dalam bentuk karangan berformat (pendahuluan, isi dan penutup).
- Diakhiri dengan perkataan "Disediakan oleh", tandatangan, nama penuh, jawatan (kiri) dan tarikh (kanan).

Contoh: Laporan

LAPORAN PROGRAM KEMPEN KEBERSIHAN SEKOLAH

Program Kempen Kebersihan Sekolah telah diadakan pada 20 Oktober 2026 di SMK Kepong. Program ini bertujuan untuk memupuk sikap menjaga kebersihan, mengamalkan gaya hidup sihat dan mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih, ceria dan kondusif.

Huraian: Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program ini. ni. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah gotong-royong membersihkan kawasan sekolah, pertandingan kitar semula bahan terpakai, ceramah tentang pengurusan sisa serta pameran berkaitan penjagaan alam sekitar.

Contoh: Dalam aktiviti gotong-royong, murid-murid bekerjasama membersihkan longkang, mencantas pokok dan mengumpul sampah pelbagai jenis. Sementara itu, hasil kitar semula seperti pasu bunga dan bakul serbaguna telah dipamerkan di sudut kreativiti sekolah.

Langkah: Pihak sekolah merancang untuk menjadikan kempen ini sebagai program berkala, mewujudkan jadual pembersihan mingguan dan melibatkan semua warga sekolah, termasuk guru, murid dan kakitangan sokongan.

Kesan: Hasil daripada program ini, persekitaran sekolah menjadi lebih bersih, tersusun dan selesa. Selain itu, murid-murid juga menunjukkan sikap yang lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan serta lebih berdisiplin dalam membuang sampah ke dalam tong yang disediakan.

Kesimpulannya, Program Kempen Kebersihan Sekolah telah berjaya mencapai objektif yang dirangka. Program seumpama ini wajar diteruskan pada masa hadapan kerana dapat melahirkan warga sekolah yang prihatin terhadap kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Amir Saifullah bin Abdullah
Setiausaha Program
SMK Kepong

20 Oktober 2026

BERITA

Penulisan yang melaporkan sesuatu peristiwa atau kejadian secara ringkas, padat dan objektif.

Format

- Tajuk di bahagian atas dan digariskan.
- Dimulakan dengan tarikh dan tempat, diikuti dengan tanda sempang (–).
- Ditulis secara ringkas, jelas dan berfakta.

Contoh: Berita

SMK KEPONG ANJUR KEMPEN KEBERSIHAN SEKOLAH

Kuala Lumpur, 20 Oktober 2026 – SMK Kepong telah menganjurkan Kempen Kebersihan Sekolah bagi memupuk sikap menjaga kebersihan serta mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih dan kondusif.

Huraian: Kempen yang berlangsung selama sehari itu melibatkan semua murid, guru dan kakitangan sekolah. Antara pengisian program termasuk gotong-royong membersihkan kawasan sekolah, pertandingan kitar semula, ceramah amalan hidup sihat dan pameran berkaitan pengurusan sisa.

Contoh: Menurut penyelaras program, Puan Norhaslina binti Abidin, aktiviti gotong-royong melibatkan pembersihan dewan, bilik darjah, longkang serta kawasan sekitar sekolah. "Sebanyak 150 kilogram bahan terpakai seperti botol plastik, kertas dan tin aluminium berjaya dikumpulkan untuk dikitar semula," katanya.

Langkah: Beliau menambah, pihak sekolah berhasrat menjadikan kempen ini sebagai program berkala dengan melaksanakan jadual pembersihan mingguan dan mewujudkan sudut kitar semula di setiap blok.

Kesan: Usaha ini diharap dapat membentuk budaya kebersihan dalam kalangan murid, meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar serta menjadikan sekolah sebagai persekitaran pembelajaran yang sihat, selamat dan selesa.

"Program ini membuktikan bahawa kerjasama semua pihak mampu melahirkan sekolah yang bersih dan ceria," ujar beliau mengakhiri kenyataan.

RENCANA

Penulisan berbentuk rencana umum yang mengupas sesuatu isu, masalah atau fenomena secara mendalam.

Format

- Tajuk di bahagian atas dan digariskan.
- Diikuti dengan perkataan "Oleh" dan nama penulis.
- Ditulis dalam bentuk karangan (pendahuluan, isi dan penutup).

Contoh: Rencana

Amalan Gaya Hidup Sihat untuk Kehidupan Berkualiti

Oleh: Amir Saifullah bin Abdullah

Pada era globalisasi yang kian mencabar ini, isu amalan gaya hidup sihat semakin serius bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin ramai individu yang mengabaikan penjagaan kesihatan diri akibat gaya hidup yang tidak seimbang. Persoalannya, apakah kepentingan amalan gaya hidup sihat terhadap kehidupan manusia?

Isi 1: Pertama, amalan gaya hidup sihat dapat menjamin kesihatan tubuh badan. Hal ini kerana aktiviti fizikal yang kerap, pemakanan seimbang dan rehat yang cukup dapat menguatkan sistem imunisasi. Sebagai contoh, bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dapat melancarkan peredaran darah. Oleh itu, masyarakat perlulah meluangkan masa untuk bersenam agar risikopenyakit dapat dikurangkan, persis kata peribahasa **"aktiviti sihat, hidup lebih bermakna."**

Isi 2: Seterusnya, amalan pemakanan seimbang juga penting dalam mengekalkan kecergasan minda. Hal ini kerana makanan berkhasiat seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan bijirin penuh dapat membekalkan tenaga yang mencukupi. Sebagai contoh, pengambilan makanan segera secara berlebihan boleh menyebabkan obesiti. Oleh itu, kita perlulah memilih makanan yang berkhasiat agar kecergasan fizikal dan mental dapat dipelihara, persis kata pepatah **"mencegah lebih baik daripada mengubati."**

Penutup: Kesimpulannya, amalan gaya hidup sihat membawa pelbagai manfaat kepada individu dan masyarakat. Marilah kita bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat demi kehidupan yang lebih sejahtera.

Perbandingan Ringkas

Aspek	Laporan	Berita	Rencana
Tujuan	Melaporkan secara terperinci.	Melaporkan peristiwa secara ringkas.	Mengupas isu secara mendalam.
Tajuk	Di atas (tanpa garis).	Di atas dan digariskan.	Di atas dan digariskan.
Permulaan	Pengenalan tentang/ program/ aktiviti.	Tarikh dan tempat –	Pendahuluan (isu, sebab dan persoalan).
Penutup	Rumusan hasil program.	Kenyataan pendek (ringkas, padat, berfakta)	Rumusan / harapan / seruan.
Ciri khas	Ada "Disedaikan oleh", tandatangan, nama, jawatan (kiri) dan tarikh (kanan).	Ringkas, padat, berfakta dan bersifat objektif.	Berbentuk huraian yang lebih panjang dan mendalam.

Kerangka Isi (Laporan, Berita, Rencana)

Fokus + Tema	Nyatakan fokus dan tema isi.
Huraian	Jelaskan sebab atau maksud dengan jelas.
Contoh	Berikan contoh yang relevan dan sesuai.
Langkah	Cadangkan usaha atau tindakan yang perlu dilakukan.
Kesan	Nyatakan manfaat atau kesan yang diperoleh.

Format Pendahuluan Rencana

Pada era globalisasi yang kian mencabar ini, isu tentang (tajuk) semakin (berkembang/ serius/ buruk) bagaikan peribahasa yang sesuai. Hal ini dikatakan demikian kerana (sebab utama). Persoalannya, apakah (fokus + tema)?

Contoh: *Pada era globalisasi yang kian mencabar ini, isu amalan gaya hidup sihat semakin serius bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin ramai individu yang mengabaikan penjagaan kesihatan diri akibat gaya hidup yang tidak seimbang. Persoalannya, apakah kepentingan amalan gaya hidup sihat terhadap kehidupan manusia?*

Nota Penting

- Gunakan bahasa yang baku, jelas dan gramatis.
- Susun isi secara teratur dan logik.
- Gunakan fakta, contoh dan peribabasa yang sesuai.
- Panjangnya penulisan disesuaikan dengan arahan soalan SPM.

Disediakan oleh :
Cikgu Amir Saifullah
SMK Kepong

SERTAI TELEGRAM SEARCH @exercise_students UNTUK TARGET/RAMALAN SPM !